

SUKAN MALAYSIA IX, 2002 PERATURAN PERTANDINGAN TENIS (LELAKI DAN WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Rules Of Tennis yang telah diluluskan oleh **Persekutuan Tennis Antarabangsa (ITF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam Peraturan atau Undang-Undang berkenaan, akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Pengarah Pertandingan dan Lawn Tennis Association Of Malaysia (LTAM) berdasarkan kepada Rules OF Tennis yang diluluskan oleh Persekutuan Tennis Antarabangsa (ITF).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tennis SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

04 Sept hingga 10 Sept, 2002

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Gelanggang Tenis,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Universiti-Universiti Malaysia. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan Negeri, PDRM dan MASUM boleh mendaftarkan satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan wanita dalam acara berpasukan dan individu terdiri daripada: -

	<u>Pasukan Lelaki</u>	<u>Pasukan Wanita</u>
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	5 orang	5 orang
JUMLAH	8 orang	6 orang

- 4.3 Seseorang pemain dihadkan menyertai dua (2) acara sahaja bagi setiap pasukan seperti berikut :-

- 4.3.1 Pasukan Lelaki - 2 Perseorangan dan 1 Bergu
- 4.3.2 Pasukan Wanita - 2 Perseorangan dan 1 Bergu
- 4.3.3 Perseorangan Lelaki - 2 peserta
- 4.3.4 Perseorangan Wanita - 2 peserta
- 4.3.5 Bergu Lelaki - 2 pasang
- 4.3.6 Bergu Wanita - 2 pasang
- 4.3.7 Bergu Campuran - 2 pasang

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran pendaftaran sebanyak RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am 6.2 sahaja layak menyertai pertandingan ini.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7 peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.

- 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran atau Pasport Antarabangsa atau Dokumen Pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA

- 7.1 Pertandingan ini terbahagi kepada acara-acara seperti berikut:-
 - 7.1.1 Berpasukan Lelaki
 - 7.1.2 Perseorangan Lelaki
 - 7.1.3 Bergu Lelaki
 - 7.1.4 Berpasukan Wanita
 - 7.1.5 Perseorangan Wanita
 - 7.1.6 Bergu Wanita
 - 7.1.7 Bergu Campuran

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Dimana penyertaannya terdiri daripada lapan (8) Pasukan sahaja, maka pertandingan di peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam dua (2) kumpulan iaitu kumpulan 'A' dan kumpulan 'B'.
- 8.1.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di Sukan Malaysia VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau Seeded. Pasukan Johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan dan pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B'.
- 8.1.2 Pemenang-pemenang dalam peringkat separuh akhir akan bertemu dalam perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan pasukan. Sementara kedua-dua pasukan yang kalah akan diistiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.
- 8.2 Dimana penyertaannya terdiri daripada sembilan (9) hingga dua belas (12) pasukan, maka pertandingan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan pasukan. Sementara kedua-dua pasukan yang kalah akan diistiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.
- 8.2.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau 'seeded'. Pasukan Johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B' dan pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C'. Pasukan-pasukan lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
- 8.2.1.1 Pemenang pertama dan pemenang kedua di kumpulan 'A', kumpulan 'B' dan kumpulan 'C' adalah layak untuk memasuki ke perlawanan keperingkat kedua yang juga akan diadakan secara

Liga dalam dua (2) kumpulan iaitu Kumpulan 'X' dan kumpulan 'Y'. Pemenang pertama di dalam kumpulan 'A' dan 'C' dan juga pemenang kedua di kumpulan 'B' akan dimasukkan dalam kumpulan 'X', sementara pemenang kedua di dalam kumpulan 'A' dan 'C' dan juga pemenang pertama kumpulan 'B' dimasukkan dalam kumpulan 'Y'.

8.2.1.2 Pemenang pertama dalam kumpulan 'X' dan juga 'Y' akan bertemu dalam perlawanan akhir bagi menentukan JOHAN dan NAIB JOHAN. Sementara kedua-dua pasukan yang kalah akan diistiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.

8.3 Dimana penyertaannya terdiri daripada tiga belas (13) pasukan atau lebih, maka pertandingan di peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam empat (4) Kumpulan iaitu kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D'.

8.3.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau 'seeded'. Pasukan Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', Pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B', pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C' dan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'D'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.3.2 Pemenang pertama dan pemenang kedua dalam kumpulan 'A', 'B' 'C' dan 'D' adalah layak untuk memasuki ke peringkat suku akhir yang akan dijadikan secara Kalah Mati seperti berikut :-

'A1' mIn 'B2'
'B1' mIn 'C2'
'C1' mIn 'D2'
'D1' mIn 'A2'

8.3.3 Pemenang-pemenang dalam kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D' layak memasuki peringkat separuh akhir adalah seperti berikut :-

A1/B1
C1/D1

8.3.4 Pemenang-pemenang dalam perlawanan separuh akhir itu akan bertemu dalam perlawanan bagi menentukan JOHAN dan NAIB JOHAN. Sementara kedua-dua pasukan yang kalah akan diistiharkan sebagai pemenang tempat ketiga.

8.4 Pertandingan individu dan bergu

8.5 Sekiranya peserta perseorangan pertama dikehendaki bermain dalam perlawanan Bergu, maka tempoh rehat selama tiga puluh (30) minit akan diberi di antara perlawanan perseorangan pertama dan bergu tersebut.

8.6 Sekiranya peserta bergu dikehendaki bermain dalam perlawanan perseorangan kedua, maka tempoh rehat selama tiga puluh (30) minit akan diberi di antara perlawanan bergu dan perseorangan kedua tersebut.

8.7 Senarai peserta bagi satu perlawanan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pertandingan atau Pengadil dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum permulaan perlawanan mengikut susunan berikut :-

8.7.1 Perseorangan Pertama

8.7.2 Bergu

8.7.3 Perseorangan Kedua

8.8 Senarai yang telah diserahkan itu tidak boleh diubah walaupun berlaku keuzuran.

8.9 Semua pertandingan di dalam kumpulan yang dijalankan secara Liga, mata kemenangan akan diberi seperti berikut :-

Menang	-	2 mata
Kalah	-	0 mata

8.10 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan kiraan mata diperolehi sama oleh lebih daripada satu pasukan maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :-

8.10.1 Jika dua pasukan terlibat, maka pasukan yang menang perlawanan di antara dua pasukan itu akan dikira pemenang.

8.10.2 Jika lebih daripada dua pasukan yang terlibat, maka pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan (difference) dari jumlah perlawanan (matches), set dan angka-angka mata (games) yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan berkenaan.

8.10.3 Jika ini tidak mencapai keputusan, maka kemenangan pasukan-pasukan berkenaan akan ditentukan dengan 'Undian'.

9.0 MENARIK DIRI

9.1 Pasukan atau peserta yang terlewat lima belas (15) minit daripada masa yang telah dijadualkan untuk perlawanan akan dianggap memberi kemenangan percuma tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

- 9.2 Menarik diri (walk-over) adalah tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, maka pasukan atau peserta yang berkenaan akan dihukum sebagai menarik diri dari keseluruhan pertandingan itu dan keputusan sebelumnya tidak akan diambilkira.

10.0 PENGADIL-PENGADIL

- 10.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang pengadil yang bertauliah bersama-sama pasukannya setelah dipersetujui oleh Persatuan Tennis Malaysia.
- 10.2 Jawatankuasa Teknikal akan melantik Pengadil Tambahan jika didapati perlu selepas berunding dengan Jawatankuasa Pengelola SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 10.3 Pengarah Pertandingan, Delegat Teknikal dan Pengadil akan dilantik oleh Persatuan Lawn Tennis Malaysia.

11.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.
- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

12.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

12.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Persatuan Lawn Tennis Malaysia terdiri daripada :-

12.1.1 Pengarah Pertandingan

12.1.2 Delegat Teknikal PLTM/Wakil

12.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat kes bantahan/tatatertib itu

12.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika perlu.

12.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

13.0 HADIAH-HADIAH

13.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:-

	EMAS	PERAK	GANGSA
PASUKAN LELAKI			
Berpasukan	1	1	1
Perseorangan	1	1	1
Bergu	1	1	1
	3	3	3

PASUKAN WANITA

Berpasukan	1	1	1
Perseorangan	1	1	1
Bergu	1	1	1

Bergu Campuran	1	1	1
	4	4	4

13.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh:
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002/230301/TENIS/AZHAR